



## UPM IPTA Pertama Dapat Akreditasi CIEH



*Datuk Naib Canselor UPM, (tengah) menerima Sijil Akreditasi Program Bacelor Sains (Kesihatan dan Pekerjaan) daripada Pegawai Utama Polisi CIEH, Dr. Ian Gray (kanan) disaksikan oleh Pengarah Program Akreditasi CIEH-UPM, Prof. Dr. Zailina Hashim.*

**SERDANG, 24 Februari-** Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menjadi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama mendapat akreditasi dalam program Bacelor Sains Kesihatan dan Pekerjaan (BSKPP) daripada Royal Chartered Institute of Environmental Health (CIEH) London.

Pengarah program Akreditasi CIEH UPM, Prof. Dr. Zailina Hashim berkata program BSKPP merupakan program bacelor pertama IPTA di Malaysia yang mendapat akreditasi program sains kesihatan persekitaran dengan kepakaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

“CIEH merupakan badan antarabangsa yang mengiktiraf program dalam bidang kesihatan persekitaran yang melaksanakan kursus berpiawaian tinggi bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang tersebut,” katanya pada majlis menandatangani sijil akreditasi UPM-CIEH di sini.

Beliau berkata pelajar yang bergraduat dalam bidang itu boleh memohon menjadi ahli profesional dalam *Environmental Health Registration Board (EHRB)* bagi membolehkan mereka bekerja sebagai Pegawai Kesihatan Persekitaran di United Kingdom ataupun di negara Komanwel.



*Dr. Ian Gray (kiri) beramah mesra bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris (tengah) dan Naib Canselor UPM (kanan).*

“Graduan program ini layak mendapat gelaran MCIEH (Member of CIEH) selepas bergraduat dan boleh menjadi profesional kesihatan persekitaran melalui pengamal persendirian ataupun bertugas di sektor awam mahupun swasta,”

Pelajar yang mengikuti program ini secara automatik mendapat keahlian CIEH pelajar (*Student Member*) yang membolehkan pelajar UPM mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan kesihatan persekitaran secara percuma dari laman web dan risalah CIEH.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata akreditasi itu sejajar dengan hasrat universiti untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

“Profesion ini amat bagi mempromosikan kesihatan serta mencegah wabak penyakit yang kian menular pada masa kini. Ini dapat membantu negara menangani masalah persekitaran iaitu pencemaran udara, air, tanah, pembiakan vektor nyamuk dan perubahan iklim global yang mengancam kesihatan manusia,” katanya.



*Barisan tenaga pengajar program Bacelor Sains (Kesihatan dan Pekerjaan) dengan Dr. Ian Gray (tiga dari kiri).*

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Noor Eszereen Juferi-89466013).**